

UBAT SEMBURAN HIDUNG KORTIKOSTEROID




MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE


National
Healthcare
Group
Adding years of healthy life


NUH
National University Hospital
A member of the NUHS


Alexandra
Health
A member of the NUHS


EASTERN
HEALTH
ALLIANCE


Jurong Health


SingHealth

SINGHEALTH / PIL / M76R0



MENGENAI ubat anda

Ubat semburan kortikosteroid dapat mengurangkan simptom-simptom alahan yang disebabkan oleh penyebab alahan. Ubat semburan hidung seperti ini dapat melapangkan hidung yang tersumbat serta melegakan simptom-simptom alergi rhinitis.

BAGAIMANAKAH saya menggunakan ubat ini?

Sebelum guna:

- Goncang botol dengan lembut, kemudian tanggalkan penutup
- Pegang ubat semburan dengan jari telunjuk dan jari tengah pada setiap tepi muncung serta dengan ibu jari meletak di bahagian bawah botol.
- Uji ubat semburan sekiranya ia adalah kali pertama anda menggunakan ubat atau anda sudah tidak menggunakanya selama satu minggu atau lebih. Dengan muncung botol diarahkan jauh daripada anda, tekan ubat beberapa kali sehingga semburan halus keluar daripada muncung.

Semasa menggunakan semburan:

1. Hembus hidung anda dengan lembut untuk melapangkannya.
2. Tutup satu lubang hidung dengan ibu jari dan letak muncung di lubang hidung yang lain. Tunduk kepala ke depan sedikit, biarkan ubat semburan menghadap ke atas.
3. Semasa menarik nafas melalui hidung, tekan jari anda satu kali ke bawah untuk melepaskan semburan.
4. Tahan nafas untuk 5 saat dan hembus nafas keluar melalui mulut. Ulangi langkah 3 dan 4 untuk menyedut semburan yang kedua.
5. Ulangi langkah 2 hingga 4 untuk lubang hidung yang lain.

Selepas guna:

- Bersihkan muncung dengan kertas tisu atau tisu tangan yang bersih dan letak balik penutup

Jangan sekali-kali cuba mencucuk lubang muncung kerana ini akan merosakkan peralatan semburan.

Apa yang patut saya buat sekiranya SAYA TERLUPA satu dos?

Guna ubat semburan sebaik sahaja anda ingat. Namun, jika sudah hampir sampai masa untuk dos yang berikutnya, maka tunggu sehingga masa tersebut untuk menggunakan ubat dan biarkan sahaja dos yang terlupa. Jangan gandakan dos anda atau guna ubat yang berlebihan demi menggantikan dos yang terlupa.

Apakah KESAN-KESAN SAMPINGAN yang mungkin untuk ubat ini?

Kesan-kesan sampingan yang mungkin termasuk:

- kekeringan dan ketidakselesaan hidung dan kerongkong
- rasa dan bau yang tidak menyelesakan
- hidung berdarah

Buangkan keluar sebarang ubat yang telah masuk ke dalam kerongkong serta kumur mulut dengan air untuk mencegah kesan-kesan sampingan seperti kekeringan mulut serta rasa yang tidak selesa.

Bagaimana cara yang patut saya MENYIMPAN ubat?

Simpan ubat semburan hidung anda di tempat yang kering dalam suhu bilik, jauh daripada haba dan cahaya matahari langsung.

